

# Ilmu penting bagi umat Islam — Dr. M

**K**UALA LUMPUR 10 Jun — Perdana Menteri berkata, matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara yang benar-benar bebas hanya tercapai sekiranya masyarakat Islam sanggup mempelajari semua bentuk ilmu, termasuk ilmu yang dianggap sekular oleh segelintir ulama.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata: "Pengetahuan dalam semua ilmu adalah penting untuk memelihara kita, janganlah kita larang penguasaan ilmu-ilmu ini, sebaliknya, menggalakkan muda-mudi Islam tekun mempelajari ilmu-ilmu ini, di samping ajaran agama yang sebenar".

Sehubungan itu, beliau men-  
hu pendekatan yang telah di-  
gunakan di negara ini — yang  
mengimbangi antara dunia  
dan akhirat, dipertahankan.

Beliau turut mengingatkan  
bahawa penjajahan tidak tam-  
mat hanya kerana umat Islam  
dapat memerintah negara sen-  
diri.

## TEKS UCAPAN PENUH PERDANA MENTERI DI MUKA 6]

"Jika kita lemah dan tidak menguasai ilmu dan kecekapan tertentu, kita terdedah kepada pelbagai bentuk penjajahan," katanya pada perutusan sempena Maal Hijrah 1415 yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Kata beliau, walaupun kerajaan tidak pernah berusaha menonjolkan dirinya supaya

menjadi contoh kepada negara lain, tetapi hari ini banyak orang Islam dan negara Islam menerima Malaysia sebagai contoh dan teladan yang baik.

"Kita seharusnya tidak menjadi angkuh dengan pengiktirafan ini, tetapi kita tidak harus menidakkan hasil pendekatan kita, sebaliknya mempertahankanya," kata beliau.

Menurut beliau, ada pemimpin-pemimpin Islam yang telah terpengaruh dengan pemisahan antara nilai agama dengan sekular dalam agama lain, telah melarang penguasaan ilmu-ilmu yang kononnya sekular, walaupun ia sebenarnya telah diterokai dan dikembangkan

■ Lihat muka 2

## Ilmu penting bagi umat Islam — Dr. M

oleh ulama-ulama Islam sendiri.

"Akibatnya, bukan sahaja pandangan kita menjadi sempit, tetapi menjadi daif, lemah dan mudah dikuasai," ujarinya.

Kata Perdana Menteri, walaupun pemimpin-pemimpin Islam itu menentang pembelajaran ilmu-ilmu yang mereka anggap sekular, tetapi mereka tidak segan-segan pula menggunakan hasil ciptaan ilmu-ilmu yang "haram" itu, termasuk kemudahan untuk pertahanan dan beribadat.

"Oleh kerana kita bergantung

kepada ilmu dan perusahaan milik orang lain, kita tidak menyelamatkan umat Islam yang ditindas jika tidak diizinkan oleh pembekal kita," katanya.

Sehubungan itu, beliau menegaskan bahawa sudah tiba masanya untuk masyarakat Islam berterus terang mengenai ajaran-ajaran yang sempit, yang tidak sedikit pun dapat menyelamatkan orang-orang Islam atau memelihara maruah agama Islam.

Berhubung sambutan Ma'al Hijrah pada tahun ini, Dr. Mahathir

berkata, hari ulang tahun bukanlah untuk dirayakan sahaja, tetapi adalah untuk bersyukur, menilai dan menghitung keadaan semasa serta menentukan azam masa akan datang.

Beliau berkata, berbanding dengan umat-umat Islam di negara lain, umat Islam di Malaysia sudah "berhijrah" sekian lama, di mana sedikit sebanyak penghijrahan itu telah menampakkan hasil, "walaupun belum berjaya membebaskan diri sepenuhnya".